

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO
[BATU KAWAN]**

TARIKH : 5 OKTOBER 2021 (SELASA)

SOALAN

PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO [BATU KAWAN] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan apakah status terkini bilangan laptop yang telah diberikan daripada 150,000 laptop, kepada pelajar dari golongan B40 melalui Yayasan Hasanah dan status peruntukan RM100 juta untuk pinjaman laptop bagi pelajar yang menerima pinjaman PTPTN.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, inisiatif Tabung CERDIK seperti yang diluluskan dalam Belanjawan 2021 adalah satu inisiatif pemberian peranti digital lengkap dengan pelan data kepada 150,000 orang murid B40 yang dilaksanakan oleh Yayasan Hasanah, sebuah yayasan di bawah Khazanah Nasional. CERDIK merupakan satu inisiatif tanggung jawab sosial korporat (CSR) oleh syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) bertujuan menyediakan peranti digital kepada murid B40 yang dikenal pasti.

Yayasan Hasanah menguruskan sumbangan peranti digital dan pelan data daripada GLC dan GLIC serta menyelaras penghantaran

SOALAN NO : 30

peranti digital berkenaan ke Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Peranti digital yang diterima oleh KPM akan terus diagihkan kepada murid B40 yang telah dikenal pasti. Sehingga 3 Oktober 2021, sebanyak 131,907 unit peranti digital dilengkapi dengan pelan data telah diserahkan kepada murid B40 di 1,100 buah sekolah seluruh negara. Manakala, 11,830 unit telah diterima daripada Yayasan Hasanah dan akan diagihkan kepada murid dalam masa terdekat. Baki 6,263 unit lagi akan diagihkan sebaik sahaja diterima daripada Yayasan Hasanah.

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, status peruntukan RM100 juta untuk pinjaman laptop bagi pelajar yang menerima pinjaman PTPTN adalah bukan di bawah bidang kuasa KPM.